

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Tuan Haji Ali Cif Kadi dalam khutbah Hari Rayanya di Masjid Sultan baru-baru ini menyelar lagi kitab mengharamkan bermazhab karangan Tuan Hasan Bin Ahmad dengan mengatakan bahawa kalau tidak bermazhab adalah keadaannya sebagai lembu yang tidak bertali. Masya-Allah Tuan Haji Ali, kata setengah-setengah orang yang mendengar khutbah itu. Orang-orang itu lalu mendatangkan pertanyaan: Bagaimanakah halnya orang-orang pada zaman Saydinā ‘Umar, Saydinā ‘Āī, Saydinā Uthmān, zaman sahabat, zaman tābi‘īn, zaman tābi‘ al-tābi‘īn kerana mereka tidak bermazhab. kerana kita bukan ahli di dalam perkara ini mudah-mudahan Tuan Haji Ali bersedia akan menulis di dalam Qalam menerangkan apakah mazhab orang-orang pada zaman itu: Adakah ia Syafie, Hanafi, Maliki, atau Hanbali? Mudah-mudahan Tuan Haji Ali ada berkelapangan memberi penerangan kepada orang ramai yang sudah mendatangkan pertanyaan-pertanyaan itu terbit daripada khutbahnya. Kerana orang-orang takut bahawa pada zaman itu keadaan orang-orang yang beragama seperti lembu yang tidak bertali sebagaimana istilah Tuan Haji Ali.

* * *

Dalam majlis perjumpaan Hari Raya Persekutuan Seruan Islam Semalaya yang dipengerusikan oleh Tuan haji Ali (selalu jarang datang tetapi apa halnya pada kali ini datang), Tuan Setiausaha Jam‘iyyah Encik Wan Jor Abu Bakar dalam ucapan penutupnya dengan tegas menyatakan bahawa jam‘iyyah seratus persen menyokong pendirian Tuan haji Ali yang beberapa kali telah menyebut di dalam khutbah Jumaatnya tentang pendirian bermazhab itu. Sebahagian daripada anggota jawatankuasa jam‘iyyah apabila mendengar jam‘iyyah menyokong

seratus peratus masing-masing berpandang-pandangan kerana dengan hak apakah Encik Wan Jor Setiausaha Jam‘iyyah itu menyokong seratus peratus persen pendirian Tuan Haji Ali pada hal jawatankuasa jam‘iyyah, sepanjang yang diketahui, tidak pernah merundingkan perkara itu perkara itu dan tidak ada memberi hak kepada setiausahanya untuk berkata atas nama Jam‘iyyah. Oleh kerana itu bagaimanakah pendirian anggota-anggota jawatankuasa Jam‘iyyah kepada setiausahanya yang berkata dengan semahu-mahunya itu? Mudah-mudahan akan dirundingkan oleh jawatankuasa.

* * *

Kalau pun betul kata-kata yang diberi oleh Setiausaha jam‘iyyah itu tentang Jam‘iyyah menyokong seratus *percent* maka untuk kebajikan umum dan supaya orang lain tahu siapa benar dan siapa salah maka kita menganjurkan pula, barangkali Jam‘iyyah sanggup, mengadakan perbahasan di dalam hal ini. Qalam tentunya bersedia menghubungkan di antara Jam‘iyyah dan pengarang kitab itu dan tentukan satu masa supaya diadakan perbahasan untuk mencari kebenaran. Qalam hanya menganjurkan sedangkan kitab mengharamkan mazhab itu bukanlah kitab penerbitan Qalam atau dikeluarkan oleh Qalam tetapi supaya orang ramai dapat tegas mengetahui yang mana benar yang mana salah dan mengetahui hujah masing-masing molek benar Jam‘iyyah menyanggupi tentang mengadakan munāzarah di antara pihak Jam‘iyyah dan pihak-pihak pengarang majalah itu. Kita bersedia menguruskannya jika Jam‘iyyah bersetuju dan benar-benar mahu mencari kebenaran-tidak hanya menepuk dada dalam rumah Jam‘iyyah sahaja.

Pada malam Hari Raya lazimnya di sana sini kita mendengar suara tahmid dan takbir di merata-rata tempat sehingga jauh malam. Merdu suara-suara itu bergelombang dan keluar diucapkan daripada hati yang murni memuja-muji kebesaran Ilahi. Tetapi rupanya di Singapura ini ada pula suatu peristiwa lain dikatakan berlaku di Masjid Jawa Road.

Lebih kurang pada pukul dua malam lebih di menara Masjid itu beberapa pemuda bertakbir. Tengah malam tentu sayup suaranya, dan sedang mereka asyik bertakbir di masjid itu datang seorang “Ketua Agama” dalam sebuah parti politik yang dikatakan tinggal berdekatan dengan masjid itu. Ia dikatakan bertanya kepada orang-orang yang ada di hadapan masjid itu: “Siapa menyuruh pemuda-pemuda itu bertakbir di tengah malam untuk mengacau ketenteramannya, kerana ia hendak tidur”, katanya. Orang-orang di hadapan masjid itu berkata: Bahawa itu adalah kehendak pemuda-pemuda itu sendiri, dan mereka itu bertakbir bukan berjoget samba di menara. Mendengar jawapan yang jitu itu ketua agama itu pergi dan menelefon kepada radio *car*.

Polis radio *car* datang dan ketua agama itu mengadukan bahawa pemuda-pemuda di atas menara itu mengacau ketenteramannya mahu tidur, dan agama Islam, katanya, tidak menyuruh demikian. Khabarnya, pihak polis radio *car* itu mengatakan bahawa ini kawasan masjid dan pada malam Hari Raya pula dan mereka bertakbir- kami tidak boleh campur di dalamnya. Dengan itu ketua agama itu merah padam mukanya, lalu dikatakan, menepuk dada bahawa ia bukannya sahaja sebagai ketua agama dalam sebuah parti politik yang berpengaruh tetapi juga ahli majlis penasihat Islam yang dilantik oleh gabenor negeri ini. Polis radio *car* itu hanya berkata: Ini kawasan masjid, kami tidak boleh campur. Akhirnya pemuda-pemuda itu terus juga mengucapkan takbir memuja kebesaran

Tuhan sedang “Ketua Agama” tadi hampa pulang ke rumahnya- demikianlah diceritakan. Tidak pula orang yang menceritakannya itu menceritakan bahawa “Ketua Agama” itu pernah berjalan dengan wanita-wanita bukan mahramnya untuk menonton wayang dan sebagainya. Hanya sekian diberitakan kepada kita. Apakah kesannya menepuk dada itu tidaklah diketahui.

* * *

A. Saadon, Ketua Pemuda UMNO Malaya dalam ucapannya baharu-baharu ini dikatakan ada berkata, bahawa orang-orang yang keluar daripada UMNO akan dilaknat oleh tanah air.

Banyak orang bertanya: Macam mana laknat tanah air kepada diri seseorang mengikut istilah Encik Saadon. Penulis ruangan ini sendiri tidak tahu bagaimana rupa laknat tanah air itu: Kerana tanah air suatu benda yang tidak mempunyai kuatkuasa, dan yang mempunyai kuatkuasa ialah Tuhan bukan manusia dan bukan benda seperti tanah dan air itu. Atau, kata setengahnya pula, apakah pendapat Saadon kalau seorang tidak keluar daripada UMNO tidak akan mendapat laknat, maksudnya mendapat syurga- juga menjadi pertanyaan. Dan nampaknya setelah pemilihan umum dan selama Perikatan berkuasa pemimpin-pemimpinnya yang mendapat syurga tanah air sambil membuat janji-janji kepada umat sedang pelaksanaannya, yang terbanyak, jauh panggang dari api, dan yang lebih lagi kalau biasanya pemimpin-pemimpin itu melaksanakan kehendak umat kehendak pengikut-pengikutnya- tetapi pada zaman itu sebaliknya kerana pemimpin-pemimpin itulah memerintahkan buat apa yang dikehendaki olehnya dan umat itu disuruh menerimanya. kalau sesuatu pihak mendatangkan pengaduan kepada pucuk pimpinan maka pucuk pimpinan memerintahkan sahaja: Buat begini dan begini dengan tidak bertanya lagi kepada pihak-pihak yang lain, kalau dikatakan pucuk pimpinan bersifat diktator mereka marah tetapi apakah langkah dan perbuatannya, dengan secara itu tidak diktator?

* * *

Harian “Lembaga” telah menyiarkan sebuah gambar yang dikutipnya dari harian “Pedoman” yang menunjukkan suatu peristiwa di Majlis Halāl Bihalāl (Perjumpaan Hari Raya) di istana Merdeka yang di dalamnya Presiden sedang menerima tamu-tamunya. Di antara tamu-tamu itu kelihatan pelukis yang terkenal Basuki Abdullah bersama-sama isterinya. Isteri Basuki Abdullah ialah peranakan Belanda dan tentunya rupawan dan kebebasannya tentulah didahulukan. Ketika berjabat tangan dengan Presiden (dengan tangan kanan) maka tangan kiri Presiden menepuk-nepuk pipi nyonya Basuki Abdullah- di hadapan suaminya sendiri. Adakah tepuk ke pipi nyonya Basuki Abdullah itu sebagai tanda kasih “bapa” kepada “anak” (tentunya orang dewasa)? Tidaklah diketahui dan adakah ertinya yang lain daripada itu juga orang tidak mengetahui- yang tahu hanya Presiden sendiri, Bung! Adakah Halāl Bihalāl atau mahu halal terus..?!

* * *

Menurut berita-berita akhbar Indonesia bahawa banyak syarikat-syarikat yang berhad (*limited*) di Surabaya dipunyai wanita-wanita (syer-syernya *dicontrol* oleh wanita-wanita). Kejadian-kejadian itu menimbulkan syak di kalangan pemerintah kerana wanita hanya namanya sahaja digunakan sedang ada orang-orang yang berdiri di belakangnya yang disyaki pula banyak daripadanya orang-orang yang sudah “kenyang makan suap”. Bagaimana betulnya perkara ini lebih mudah diketahui kalau ditanya kepada *council-council* Indonesia yang tentunya menafikan berita-berita itu. Kalau tidak percaya, kata sebahagian orang, cuba datangkan pertanyaan ke sana. Khabar ini lebih-lebih lagi, menurut berita-berita itu, bahawa di antara yang kaya sekali ialah daripada keluarga Presiden sendiri. Kalau betul begini tantunya lebih “meriah” lagi Bung!

* * *

Boestamam, Yang Dipertua Parti Rakyat, telah keluar dari Kongres Kebangsaan Melayu yang Kedua yang diadakan di Kuala Lumpur baharu-baharu ini. Alasannya kerana kongres itu berbau perkauman. Ini benar, Bung! Kata sebahagian orang, kerana mengapakah Parti Rakyat bersama-sama berkongres dengan nama Melayu kerana Parti Rakyat itu, sebagaimana dikatakan Boestamam di Singapura dahulu, bukan Parti Melayu? Siapay yang ingat tentu tidak akan terperanjat dengan langkah yang demikian- bahkan orang-orang Melayu mesti ingat betul-betul bahawa “Parti Rakyat bukan Parti Melayu” (kata Boestamam di SIngapura tempoh hari).

* * *

Tengku Abdul Rahman dengan tegas mahu menerima wakil Kongres Melayu yang hendak berjumpa dengannya sebelum pergi ke London. Jika diterima, kata beliau, tentulah akan memberi peluang pula kepada wakil-wakil Cina yang sudah menghantarkan wakil-wakilnya. Dengan jawapan ini orang-orang Melayu sudah mengerti bahawa apa jua pendapat, walau daripada Melayu sekalipun, sifatnya sudah disamakan dengan orang-orang Cina oleh Tengku. Yang berhak dalam urusan negeri sekarang, daripada langkah-langkah Tengku itu, hanya UMNO- M. C. A. dan M. I. C. sahaja- sedang suara-suara Melayu sendiri, daripada bangsa Tengku itu sendiri- tidak dipandang berharga lagi oleh Tengku- bahkan hanya suatu halangan sahaja. Jadi bagaimanakah Tengku hendak menjalankan hasrat orang-orang UMNO sendiri bahawa yang diperjuangkan ialah kerana bangsa, bahasa dan negara Melayu?! Ini patit diperhatikan oleh orang-orang UMNO sendiri- jangan jadi pengikut buta sahaja, Bung!

* * *

Kongres Kebangsaan Kedua di Kuala Lumpur itu semenjak dari mulanya sudah mengetahui bahawa apa jua rancangan yang dinamakan untuk bangsa Melayu yang dianjurkan oleh orang-orang yang di luar UMNO adalah dengan

terang-terang dibantah dan dibidas oleh pemimpin-pemimpin UMNO- dan tidak hanya setakat itu sahaja tetapi mengeluarkan isytihar bahawa sesiapa yang menyertai kongres itu akan dipecat. Di sebalik itu UMNO sendiri, tidak mahu dan tidak pernah, beruar-uar mengadakan suatu Kongres Kebangsaan Melayu untuk menjemput pendapat fikiran orang-orang Melayu yang di luar daripada UMNO ini berjalan terus dari semenjak Tengku menjadi Yang Dipertua UMNO sebab-sebabnya tidak payah dicari kerana orang-orang UMNO harus berpendapat: Hanya UMNO itulah sahaja yang berhak bersuara untuk mewakili orang-orang Melayu umumnya.

Orang-orang yang berkongres itu mesti faham hal ini! Jika Tengku sebagai orang Melayu boleh pergi ke London maka mengapa orang-orang kongres yang terdiri dari orang-orang Melayu sendiri seperti Tengku juga, tidak boleh pergi ke London berjumpa dengan kerajaan Inggeris untuk menentukan maslahat dan kehendak orang-orang Melayu yang di luar daripada UMNO??! Hantarkan wakil sendiri, lebih baik daripada meminta-minta kepada “Ketua Orang Melayu” yang hanya percaya kepada pendapatnya sendiri dengan berkawan kepada bangsa asing daripada berunding dengan orang-orang Melayu!

* * *

Malam “silaturrahim” yang diadakan oleh “PERSAMA” baharu-baharu ini di Happy World rupanya membawa suatu perasaan baharu kepada sebahagian penonton yang masih menghormati agamanya. Selain daripada cerita sejarah Megat Terawis diselangi pula dengan nyanyian-nyanyian dan tarian-tarian *rock* dan juga Hawaii, yang tentunya hebat. Seorang haji yang jadi pelakon, tatkala menunaikan ketaatannya kepada Rajanya (Raja Melayu) menyuruh isterinya melakukan pembunuhan ke atas dirinya kerana mengikut perintah Raja sambil membaca suatu ayat *qul lan yuṣībanā ‘alā mā kataba Allāhu lanā*. Orang-orang terperanjat dan tidak senang hati kerana terasa

ayat itu dibacakan bukan pada tempatnya- di tempat yang bercampur maksiat di dalamnya. Mudah-mudahan PERSAMA, sama-sama memerhatikan hal ini supaya jangan umat Islam terasa disentuh kehormatannya yang dilakukan oleh orang-orang Islam sendiri.

* * *

Dahulu di dalam kenyataan kepada umum, Yang Dipertua PERSAMA dikatakan pernah menyatakan bahawa mereka tidak suka menjalankan nyanyian dan tarian-tarian daripada kebudayaan asing- mereka akan bekerja untuk menunjukkan kebudayaan bangsa Melayu. Tetapi apabila orang melihat PERSAMA di dalam pertunjukan Hari Raya baharu-baharu ini masing-masing berpandang-pandangan kerana hampir 75 peratus mengutamakan kesenian asing- dari *rock and roll*, Hawaii dan nyanyian-nyanyian. Kalau begini benar Bung kata orang lidah tidak bertulang dan bukan mudah mempertahankan perdirian.

Sudahkah tuan berlanggan dengan Majalah

QALAM

Berdasarkan *al-Qur’an* dan *al-ḥadīth al-Syarif!*

Kalau belum, berlangganlah sekarang juga!

Harga langganan:

6 bulan \$ 4.20

12 bulan \$ 8.40

Termasuk belanja pos.

Langganan sekurang-kurangnya 6 bulan,

Alamatkan kepada:

QALAM

356 & 358, Geylang Rd.,

Singapore-14.